

'Telaga Undang 17.4.87 tidak ada Terombo'

SEREMBAN, Khamis — Anak-anak Waris Negeri dan ibu-ibu soko daripada Perut Ulu hari ini menjelaskan Telaga Undang tidak mempunyai Terombo seperti didakwa oleh anak-anak Waris Perut itu daripada Rumpun Tinggang, Dusun dan Nyonyoi.

Jurucakap mereka berkata adalah menjadi satu kesalahan di segi aturan adat serta undang-undang negeri jika ada anak-anak Waris Negeri atau Datuk-Datuk Ketua Adat Luak Sungai Ujong yang didapati menyimpan atau memiliki Terombo itu.

Ini, katanya adalah selaras dengan aturan adat yang menggariskan bahawa hanya Undang berhak menyimpan Terombo Luak Sungai Ujong seperti kata adat 'Undang Berterombo, Undang Bersabda'.

"Apa yang ada dalam simpanan Tua Waris Perut Ulu dan Hilir ialah salinan jural keturunan Waris Negeri, yang menentukan mereka yang layak menyandang pesaka Datuk Kelana dan juga pesaka Datuk Johan (Tua Waris Perut Ulu) dan Datuk Maharajalela (Tua Waris Perut Hilir).

"Perlu dijelaskan di sini bahawa jural keturunan ini mengandungi kata salasilah Waris Negeri," katanya dalam kenyataan kepada *Berita Harian* di sini.

Anak-anak Waris Perut Ulu daripada ketiga-tiga Rumpun berkenaan sebelum ini mendakwa bahawa Terombo 'Telaga Undang' wujud hasil 'pakatan' antara Allahyarham Datuk Kelana Makmur Datuk Menteri Kassim dengan menantunya, Allahyarham Datuk Shahbandar Abu Bakar Haji Othman.

Jurucakap itu juga menafikan dakwaan anak-anak Waris daripada ketiga-tiga Rumpun berkenaan bahawa asal-usul Perut Ulu adalah daripada keturunan Rumpun Bayu.

Sebaliknya, jelasnya, Perut Ulu adalah berasal daripada keturunan Tok Dara Mudek iaitu anak perempuan kepada Tok Mohamad Tembu (lelaki), yang juga dikenali sebagai Tok Jebat.